

Perceptions of Islamic Education Teachers on Knowledge According to the Concept of *Malakah Ilmiyyah* Ibn Khaldun

Persepsi Guru Pendidikan Islam Terhadap Ilmu Menurut Konsep *Malakah Ilmiyyah* Ibnu Khaldun

Mohamad Zarkhuan Zainol*, Azmil Hashim, Mohamad Marzuqi Abdul Rahim

Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900, Tanjung Malim, Perak, Malaysia

*Corresponding author: P20161000846@siswa.upsi.edu.my

Article history: Received: 3 May 2018 Received in revised form: 24 July 2018 Accepted: 20 August 2018 Published online: 28 November 2018

Abstract

The main objective of this study is to identify the Islamic Education teacher (GPI's) perception on knowledge based on its sources and classifications among new GPIs in the State of Selangor. This is descriptive study used a questionnaire as instrument for data collection. The questionnaire was developed based on the concept *Malakah Ilmiyyah* Ibnu Khaldun through chapter sixth in the Book Muqaddimah. Two constructs are identified as the source of knowledge and classification of knowledge. Using the simple random sampling method, a total of 92 new GPIs was randomly selected from several schools in the Gombak state of Selangor to be a sample of the study. Generally, the study found new GPI perception of knowledge by the concept *Malakah Ilmiyyah* Ibnu Khaldun is at a high level. All constructs were above 8.0 i.e. sources of knowledge (8.70) and classification of knowledge (8.89). This study showed that the new GPI has a positive perception of practicing naqli and aqli knowledge as taught by Ibnu Khaldun in his Muqaddimah Book. The concept of *Malakah Ilmiyyah* Ibnu Khaldun is actually very consistent to the goal of producing a knowledgeable GPI and at the same time can create a student human capital of the world's brightest and the hereafter. Furthermore, studies on the various concepts still stored in the Muqaddimah script need to be explored, especially in relation to the teaching profession.

Keywords: Islamic education teachers; ibnu khaldun; *malakah ilmiyyah*; source of knowledge; classification of knowledge

Abstrak

Objektif utama kajian ini ialah mengenal pasti persepsi guru Pendidikan Islam (GPI) terhadap ilmu berdasarkan sumber dan klasifikasinya dalam kalangan guru Pendidikan Islam (GPI) baharu di Negeri Selangor. Kajian kuantitatif ini berdasarkan reka bentuk tinjauan deskriptif melalui borang soal selidik untuk mengumpulkan data. Borang soal selidik ini dibangunkan berdasarkan konsep *Malakah Ilmiyyah* Ibnu Khaldun menerusi bab keenam dalam kitab Muqaddimah. Dua konstruk dikenal pasti iaitu konstruk sumber ilmu dan klasifikasi ilmu. Dengan menggunakan kaedah *simple random sampling*, seramai 92 orang GPI baharu telah dipilih secara rawak dari beberapa buah sekolah di daerah Gombak Negeri Selangor untuk menjadi sampel kajian. Secara umumnya kajian ini mendapati persepsi GPI baharu terhadap ilmu berdasarkan konsep *Malakah Ilmiyyah* Ibnu Khaldun adalah pada tahap yang tinggi. Setiap aspek konstruk yang dinilai mempunyai nilai purata min melebihi 8.0 ke atas iaitu sumber ilmu (8.70) dan klasifikasi ilmu (8.89). Kajian menunjukkan bahawa GPI baharu mempunyai persepsi yang positif dalam mengamalkan ilmu naqli dan ilmu aqli seperti yang telah disarankan oleh Ibnu Khaldun dalam Kitab Muqaddimah. Konsep *Malakah Ilmiyyah* Ibnu Khaldun ini sesungguhnya amat selari dengan matlamat untuk menghasilkan seseorang GPI yang berilmu dan sekaligus dapat membentuk modal insan pelajar yang cemerlang dunia dan akhirat. Selanjutnya, kajian-kajian terhadap pelbagai konsep lagi yang masih tersimpan dalam naskah Muqaddimah perlu diterokai khususnya yang berkaitan dengan profesion perguruan.

Kata kunci: Guru pendidikan islam; ibnu khaldun; *malakah ilmiyyah*; sumber ilmu; klasifikasi ilmu

© 2018 Penerbit UTM Press. All rights reserved

1.0 PENGENALAN

Ilmu dalam Islam merupakan satu konsep yang amat penting dan perlu diutamakan. Hal ini berdasarkan ayat 113 surah al-Nisa', Allah berfirman yang berbunyi:

وَلَوْلَا فَضْلُ اللَّهِ عَلَيْكَ وَرَحْمَتُهُ لَهَمَّتْ طَائِفَةٌ مِنْهُمْ أَنْ يُضِلُّوكَ وَمَا يُضِلُّونَ إِلَّا أَنْفُسَهُمْ وَمَا يَصُرُونَكَ مِنْ شَيْءٍ وَأَنْزَلَ اللَّهُ عَلَيْكَ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَعَلَّمَكَ مَا لَمْ تَكُنْ تَعْلَمُ
وَكَانَ فَضْلُ اللَّهِ عَلَيْكَ عَظِيمًا

Maksudnya: *Kalau bukan kerana kurniaan Allah dan rahmat-Nya kepadamu (Muhammad), tentulah segolongan dari mereka berkeinginan keras untuk menyesatkanmu. Tetapi mereka hanya menyesatkan dirinya sendiri, dan tidak membahayakanmu sedikit pun. Dan (juga kerana) Allah telah menurunkan kitab (al-Qur'an) dan Hikmah kepadamu, dan telah mengajarkan kepadamu apa yang belum kamu ketahui. Kurniaan Allah yang dilimpahkan kepadamu itu sangat besar.*

Dalam ayat ini Allah SWT berfirman mengenai kepentingan ilmu yang menerangkan bahawa Nabi Muhammad SAW telah dikurniakan oleh Allah SWT dengan anugerah ilmu bersumberkan al-Quran dan Sunnah serta ajaran yang disampaikan oleh Allah SWT kepada baginda. Melalui anugerah ini, baginda dilindungi daripada kesesatan dan kejahatan orang-orang yang ingin membawa kesesatan. Ayat ini menunjukkan betapa pentingnya ilmu dalam kehidupan manusia yang sememangnya mempunyai tanggungjawab sebagai khalifah di muka bumi Allah. Kehadiran akal yang diciptakan untuk manusia perlu diisi dengan ilmu yang benar dan dengan ilmu itulah tadi yang mengangkat martabat manusia ke tempat yang tinggi di sisi Allah SWT (Muhammad, 2015).

Guru Pendidikan Islam (GPI) perlu memiliki secara menyeluruh dan mendalam pelbagai ilmu pengetahuan khususnya ilmu mata pelajaran yang diajar. Al-Abrasyi (1974) dan al-Nahlawy (1983) menekankan bahawa seseorang guru perlu berusaha meningkatkan pengetahuan bidang ilmu yang diajar serta dapat menguasai pelbagai ilmu pengetahuan lain. Hal ini kerana seseorang guru yang mempunyai kefahaman yang mendalam terhadap sesuatu ilmu akan lebih dipercayai dan dihormati oleh pelajarnya. Ibnu Khaldun (2004) telah memperincikan ilmu kepada dua bahagian iaitu ilmu berdasarkan naqli dan aqli yang perlu dikuasai oleh setiap guru. Maka peranan GPI dalam menguasai ilmu naqli dan ilmu aqli seharusnya menjadi amalan kerana seorang GPI yang berilmu akan memindahkan ilmu yang dimiliki kepada pelajarnya.

■2.0 PERMASALAHAN KAJIAN

Menurut Tamuri et. al. (2012), masalah kualiti GPI yang tidak memuaskan berdasarkan tuntutan agama Islam itu sendiri sangat berkait rapat dengan kelemahan penguasaan ilmu. Jasmi (2011) menyatakan keberkesanan profesionalisme GPI adalah hasil daripada penguasaan kandungan ilmu pengetahuan. Perkara ini disokong oleh Ramli (2017) yang menjelaskan bahawa GPI perlu memiliki secara khusus ilmu isi kandungan subjek Pendidikan Islam secara meluas dan mendalam melangkaui isi kandungan atau subjek mata pelajaran lain melalui sumber naqli dan aqli yang lengkap dan sempurna. Walau bagaimanapun, masih terdapat di kalangan GPI yang belum begitu mahir menguasai ilmu kandungan ini contohnya penguasaan ilmu Tilawah al-Quran dan Tajwid (Md Hassan, 2017), Qiraat dan Taranum (Arbain et.al., 2014), ilmu Tamadun Islam (Che Mustapha et.al. 2011), ilmu bahasa Arab dan ilmu Turath Islam (Zakaria et. al. 2014), ilmu Fardu Ain dan Fardu Kifayah (Muhammad, 2015) dan ilmu tulisan Jawi (Mohd et. al., 2010). GPI juga disaran untuk bertanggungjawab dengan ilmu yang dimiliki dan tidak wajar mengeluarkan hukum tanpa ilmu yang mendalam (Salleh et.al. 2016).

Selain itu, seseorang GPI perlu mendalami dan menguasai ilmu pengetahuan lain seperti pengetahuan sejarah, geografi, matematik, bahasa dan sebagainya (Al-Nahlawy, 1983; Tamuri et.al, 2012). Di samping itu, GPI juga perlu menguasai ilmu semasa, terkini dan kontemporari dan bukan hanya terbatas kepada ilmu yang terkandung dalam silibus sahaja (Ramli, 2017). GPI yang sentiasa membudayakan pelbagai jenis ilmu ini dapat melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dalam suasana yang harmoni dan menarik (Jaafar & Tamuri, 2013). Namun, Iksan et.al. (2016) mendapati GPI kurang mampu untuk menguasai ilmu sains. Tamuri et.al. (2016) juga mendapati min yang sederhana terhadap ilmu teknologi maklumat dan komunikasi dalam kalangan GPI iaitu 3.57. Justeru, dapatan daripada literatur menunjukkan keilmuan GPI dari segi ilmu naqli dan ilmu aqli masih perlu dipertingkatkan.

■3.0 MALAKAH ILMIYYAH IBNU KHALDUN

Ibnu Khaldun telah menggunakan terminologi *Malakah* di beberapa tempat dalam kitab Muqaddimahnyanya. Menurut Borhan & Sa'ari (2009), pengertian perkataan *Malakah* itu tidak sama di antara satu sama lain. Terdapat pelbagai maksud yang telah didefinisikan berdasarkan penyampaian Ibnu Khaldun di dalam Muqaddimahnyanya seperti pengetahuan, kemahiran, kepimpinan, keahlian, bakat, kebiasaan dan tanggapan.

Malakah merupakan penguasaan dan kepakaran yang melibatkan persediaan mental untuk proses pengisian ilmu secara holistik seterusnya pengaplikasian dengan jayanya. (Maidin & Ahmad, 2015). Kesepaduan di antara proses *Malakah* akan menghasilkan suatu ilmu yang dapat meningkatkan pemikiran seseorang (Othman & Kasim, 2017). Secara ringkasnya, *Malakah* adalah penguasaan dan kepakaran di dalam sesuatu bidang ilmu secara mendalam dan unik (Maidin & Ahmad, 2015).

Salah satu *Malakah* yang dihuraikan oleh Ibnu Khaldun adalah *Malakah Ilmiyyah*. Hal ini berdasarkan penerangan Ibnu Khaldun mengenai ilmu dan jenis-jenisnya di dalam bab keenam kitab Muqaddimah. Enan (1979) meringkaskan tulisan Ibnu khaldun dalam bab keenam itu seperti berikut,

Beliau (Ibnu Khaldun) membicarakan dalam bab keenam tentang sains dan pendidikan. Ilmu pengetahuan, mengikutnya, ialah satu ciri tamadun, ia bercambah dan berkembang di tempat tamadun berlangsung. Beliau kemudiannya bercakap tentang sains keagamaan dan sosial yang pelbagai jenis (ketuhanan dan manusia) dengan bab yang panjang lagi menyeronokkan tentang wawasan, magik, rahsia huruf, ilmu kimia, kerohanian, sains, ilmu ghaib dan ramalan serta cabang ilmu yang lain (Enan, 1979, p. 120).

Abu Bakar (2015) menjelaskan bahawa pemikiran Ibnu Khaldun berkaitan *Malakah Ilmiyyah* dihuraikan berdasarkan dua judul utama iaitu sumber dan tabii ilmu serta jenis dan kandungan ilmu. Kalau dilihat kepada pemikiran Ibnu Khaldun terhadap sumber dan tabii ilmu yang wujud dalam tamadun manusia, maka sumbernya ada dua iaitu akal dan wahyu. Abu Bakar (2015) merumuskan bahawa akal

memberikan manusia ilmu dan wahyu juga memberikan manusia ilmu, tetapi manusia menerima wahyu melalui para nabi dan rasul utusan Allah kepada manusia.


Ibnu Khaldun juga mengklasifikasikan ilmu kepada dua jenis iaitu ilmu naqli dan ilmu aqli (Abu Bakar, 2015). Ibnu Khaldun (2004) memasukkan ilmu-ilmu berikut ke dalam ilmu naqli, iaitu ilmu tafsir menjelaskan lafaz-lafaz al-Quran, ilmu qiraat menjelaskan bacaan-bacaan al-Quran, ulum hadith menjelaskan perawi-perawi kepada sunnah dengan mengetahui keadaan mereka dan keadilan mereka supaya dapat diletakkan kepercayaan kepada apa yang mereka khabarkan, usul fiqh menjelaskan bagaimana *istinbath* hukum-hukum Allah dalam perbuatan-perbuatan para mukallaf dan ilmu kalam menjelaskan perkara yang wajib diimani dan apa yang tidak wajib diimani. Ilmu-ilmu bahasa yang meliputi ilmu lughah, ilmu nahu dan ilmu bayan membantu di dalam memahami al-Quran dan hadith kerana kedua-duanya direkodkan di dalam bahasa Arab. Kesemua ilmu ini dikhususkan kepada agama Islam dan penganut-penganutnya.

Kategori kedua di dalam klasifikasi ilmu Ibnu Khaldun (2004) ialah ilmu aqli. Ilmu ini tabii kepada manusia kerana manusia berakal atau berfikiran. Ilmu aqli meliputi empat ilmu utama iaitu, ilmu mantiq (logik) yang menjaga minda daripada melakukan kesilapan dalam proses menggunakan data yang diketahui kepada data yang belum diketahui dan faedahnyanya membezakan antara pemikiran yang betul daripada yang salah, ilmu tabii atau ilmu sains yang mengkaji fizik atau jasad yang boleh dipersepsi oleh pancaindera manusia seperti logam galian, tumbuhan, haiwan dan cakerawala dan pergerakan tabii, ilmu metafizik dan ilmu matematik yang memberikan perhatian kepada sukatan dan ukuran atau nisbah. Kedua-dua jenis ilmu ini juga dikategorikan sebagai ilmu asas (ilmu naqli) dan ilmu alat (ilmu aqli). Ibnu Khaldun menjelaskan bahawa kepentingan ilmu alat hanya untuk memahami ilmu asas.

4.0 METODOLOGI

Kajian ini bertujuan untuk meninjau persepsi GPI terhadap penguasaan ilmu berdasarkan konsep *Malakah Ilmiyyah* yang dibahas oleh Ibnu Khaldun dalam kitab Muqaddimah. Objektif kajian ini ialah mengenal pasti persepsi GPI terhadap ilmu berdasarkan sumber dan klasifikasinya dalam kalangan GPI baharu di Negeri Selangor. Kajian yang berbentuk kuantitatif ini menggunakan reka bentuk tinjauan deskriptif melalui borang soal selidik yang dibangunkan berdasarkan ciri-ciri yang diuraikan menerusi bab keenam dalam Kitab Muqaddimah Ibnu Khaldun. Borang soal selidik telah dibangunkan melalui perbincangan mengenai *Malakah Ilmiyyah* Ibnu Khaldun yang terdapat dalam bab keenam Kitab Muqaddimah. Pembentukan konstruk-konstruk *Malakah Ilmiyyah* Ibnu Khaldun berdasarkan perbincangan oleh Enan (1979), El-Muhammady (2009), Ahmad (2010), Abu Bakar (2015), Salleh (2015), Jaafar (2014) dan Muhammad (2015). Selain itu, item-item dalam setiap konstruk ini juga telah disemak oleh enam orang pakar dalam bidang Pendidikan Islam. Item-item yang dibangunkan menggunakan skala likert 10 mata kerana ianya lebih efisien (Awang et.al., 2016).

Kebolehpercayaan instrumen dianalisis berdasarkan nilai Alpha Cronbach iaitu 0.917 bagi konstruk sumber ilmu dan 0.981 bagi konstruk klasifikasi ilmu yang menunjukkan setiap item dalam instrumen soal selidik tersebut mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Walau bagaimanapun, item-item yang mempunyai pernyataan yang masih samar telah diubahsuai supaya para responden dapat menjawab dengan mudah. Kajian ini melibatkan GPI baharu yang mula berkhidmat pada tahun 2015, 2016 dan 2017 di daerah Gombak Negeri Selangor. Populasi GPI baharu di daerah Gombak, Selangor adalah seramai 125 orang. Oleh itu, berdasarkan pensampelan Krejcie dan Morgan (1970) menunjukkan seramai 92 orang GPI baharu dijadikan sebagai sampel daripada keseluruhan populasi. Kajian ini menggunakan kaedah *simple random sampling* dalam pemilihan sampel berdasarkan data yang dibekalkan oleh Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pendidikan Malaysia. Data-data dikutip sendiri oleh penyelidik melalui edaran borang soal selidik ke sekolah-sekolah di Daerah Gombak Negeri Selangor. Selepas itu, semua borang soal selidik dikumpulkan serta disaring untuk memastikan keesahan dan lengkap. Setelah dimasukkan dalam perisian SPSS Versi 23.0, data dianalisis secara deskriptif. Proses metodologi kajian seperti dijelaskan pada rajah 1.



Rajah 1 Proses metodologi kajian

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Taburan Responden Mengikut Jantina dan Tempoh Mengajar

Kajian yang dijalankan telah melibatkan seramai 92 orang GPI baharu. Jadual 1 dan jadual 2 menunjukkan taburan sampel kajian berdasarkan jantina dan tempoh mengajar.

Jadual 1 Taburan mengikut jantina

Jantina	Bil GPI	Peratus
Lelaki	29	31.5%
Perempuan	63	68.5%
Jumlah	92	100%

Berdasarkan jadual 1 sebahagian besar GPI baharu adalah perempuan seramai 63 orang atau 68.5% manakala lelaki seramai 29 orang atau 31.5%. Perbezaan ini sangat ketara, namun ia merupakan fenomena biasa dalam perbezaan nisbah jumlah guru di Malaysia.

Jadual 2 Taburan mengikut tempoh mengajar

Tempoh Mengajar	Bil GPI	Peratus
Setahun	27	29.3%
Dua Tahun	28	30.4%
Tiga Tahun	37	40.2%
Jumlah	92	100%

Dari segi tempoh mengajar, kebanyakan GPI baharu dalam kajian ini mengajar selama 3 tahun atau 40.2% diikuti mengajar selama dua tahun atau 30.4%. Manakala jumlah GPI baharu yang mengajar selama setahun adalah seramai 27 orang atau 29.3%.

Persepsi Terhadap Sumber Ilmu

Bahagian ini melaporkan pandangan GPI baharu bagi konstruk sumber ilmu. Sebanyak 6 item telah diajukan kepada sampel kajian berkaitan dengan persepsi mereka terhadap konstruk sumber ilmu seperti pada jadual 3.

Jadual 3 Persepsi GPI Terhadap Sumber Ilmu

Item	Penyataan: Bagi saya ilmu itu adalah.....	1 sangat rendah	2 sangat rendah	3 rendah	4 rendah	5 sederhana	6 sederhana	7 tinggi	8 tinggi	9 sangat tinggi	10 sangat tinggi	Min
1	datang daripada sumber al-Quran.	0 0%	0 0%	0 0%	0 0%	3 3.3%	2 2.2%	4 4.3%	12 13%	21 22.8%	50 54.3%	9.13
2	datang daripada sumber Hadis.	0 0%	0 0%	0 0%	0 0%	3 3.3%	2 2.2%	3 3.3%	15 16.3%	19 20.7%	50 54.3%	9.12
3	datang daripada sumber yang berautoriti.	0 0%	0 0%	2 2.2%	0 0%	4 4.3%	2 2.2%	4 4.3%	20 21.7%	31 33.7%	29 31.5%	8.64
4	bergantung kepada logik akal yang benar.	0 0%	0 0%	1 1.1%	1 1.1%	6 6.5%	6 6.5%	10 10.9%	20 21.7%	27 29.3%	21 22.8%	8.22
5	berasaskan fakta yang dipercayai.	0 0%	0 0%	0 0%	1 1.1%	2 2.2%	3 3.3%	7 7.6%	28 30.4%	21 22.8%	30 32.6%	8.63
6	hasil daripada kajian saintifik.	0 0%	0 0%	1 1.1%	1 1.1%	2 2.2%	2 2.2%	10 10.9%	29 31.5%	24 26.1%	23 25%	8.45
Min Keseluruhan												8.70

Jadual 3 menunjukkan bahawa GPI baharu secara keseluruhannya mempunyai persepsi yang positif terhadap sumber ilmu. Terdapat beberapa item yang mendapat min yang tertinggi iaitu ilmu datang dari sumber al-Quran yang mana min purata adalah 9.13. Selain itu, GPI baharu juga berpendapat bahawa ilmu datang dari sumber Hadis (Min: 9.12). Data dalam jadual di atas juga menunjukkan ilmu datang dari sumber yang berautoriti (Min: 8.64). Ilmu berasaskan fakta yang dipercayai (Min: 8.63). Manakala, min yang terendah dalam konstruk sumber ilmu ialah ilmu bergantung kepada logik akal yang benar iaitu pada tahap min 8.22.

Persepsi Terhadap Klasifikasi Ilmu

Bahagian ini pula akan membentangkan persepsi GPI baharu terhadap klasifikasi ilmu yang perlu dipraktikkan oleh mereka. Jadual 4 menunjukkan nilai min bagi setiap item.

Jadual 4 Persepsi GPI Terhadap Klasifikasi Ilmu

Item	Penyataan: Sebagai seorang GPI yang berilmu, saya perlu ...	1 Sangat rendah	2 Sangat rendah	3 rendah	4 rendah	5 sederhana	6 sederhana	7 tinggi	8 tinggi	9 Sangat tinggi	10 Sangat tinggi	Min
1	mahir membaca al-Quran.	0 0%	0 0%	0 0%	0 0%	3 3.3%	0 0%	4 4.3%	10 10.9%	17 18.5%	58 63%	9.30
2	memahami kaedah Rasm Uthmani dalam bacaan al-Quran.	0 0%	0 0%	0 0%	1 1.1%	2 2.2%	1 1.1%	3 3.3%	12 13%	18 19.6%	55 59.8%	9.23
3	memahami tafsir ayat al-Quran.	0 0%	0 0%	0 0%	1 1.1%	2 2.2%	2 2.2%	6 6.5%	18 19.6%	19 20.7%	44 47.8%	8.95
4	memastikan kesahihan matan hadis.	0 0%	0 0%	0 0%	1 1.1%	2 2.2%	1 1.1%	8 8.7%	21 22.8%	19 20.7%	40 43.5%	8.86
5	memastikan kesahihan perawi dan sanad hadis.	0 0%	0 0%	0 0%	0 0%	3 3.3%	2 2.2%	7 7.6%	18 19.6%	23 25%	39 42.4%	8.88
6	memahami kaedah usul fiqh.	0 0%	0 0%	0 0%	0 0%	3 3.3%	2 2.2%	9 9.8%	22 23.9%	21 22.8%	35 38%	8.75
7	berhujah berdasarkan dalil yang dipegang oleh Ahli sunah wal-jamaah.	0 0%	0 0%	0 0%	0 0%	3 3.3%	3 3.3%	4 4.3%	17 18.5%	25 27.2%	40 43.5%	8.93
8	menghuraikan rukun iman berserta dalil.	0 0%	0 0%	0 0%	1 1.1%	2 2.2%	0 0%	6 6.5%	21 22.8%	23 25%	39 42.4%	8.92
9	mengetahui cara untuk menjaga iman melalui amalan.	0 0%	0 0%	0 0%	0 0%	3 3.3%	3 3.3%	5 5.4%	16 17.4%	20 21.7%	45 48.9%	8.98
10	mengetahui bahasa Arab untuk memahami nas dan dalil.	0 0%	0 0%	0 0%	1 1.1%	2 2.2%	4 4.3%	8 8.7%	15 16.3%	31 33.7%	31 33.7%	8.73
11	menggunakan logik akal (mantiq) untuk mencari kebenaran.	0 0%	0 0%	0 0%	1 1.1%	3 3.3%	6 6.5%	8 8.7%	15 16.3%	28 30.4%	31 33.7%	8.62
12	menggunakan ilmu sains untuk membuktikan ilmu Islam.	0 0%	0 0%	0 0%	1 1.1%	3 3.3%	2 2.2%	11 12%	14 15.2%	27 29.3%	34 37%	8.73
13	menggunakan kaedah Matematik untuk memahami hukum syariat (faraid).	0 0%	0 0%	0 0%	0 0%	4 4.3%	5 5.4%	10 10.9%	11 12%	29 31.5%	33 35.9%	8.68
Min Keseluruhan												8.89

Berdasarkan dapatan konstruk klasifikasi ilmu di atas, kajian ini menunjukkan bahawa persepsi GPI baharu terhadap kepercayaan ilmu naqli dan aqli seperti yang disarankan oleh Ibnu Khaldun melalui konsep *Malakah Ilmiyyah* adalah di tahap yang tinggi. Ini berdasarkan kepada keseluruhan item yang dinilai memperoleh min 8.89. Antara item-item yang mendapat min skor yang tinggi seperti

mahir membaca al-Quran (9.3), memahami kaedah Rasm Uthmani dalam bacaan al-Quran (9.23) dan mengetahui cara untuk menjaga iman melalui amalan (8.98) yang merupakan faktor yang penting untuk menjadi GPI yang berilmu. Selain itu, GPI juga mempunyai persepsi yang tinggi terhadap memahami tafsir ayat al-Quran (8.95) berhujah berdasarkan dalil yang dipegang oleh Ahli sunah wal-jamaah (8.93) dan menghuraikan rukun iman berserta dalil (8.92). Namun demikian, terdapat 2 item yang mendapat nilai min sederhana iaitu menggunakan kaedah Matematik untuk memahami hukum syariat (fara'id) (8.68) dan menggunakan logik akal (mantiq) untuk mencari kebenaran (8.62).

Berdasarkan dapatan kajian ini didapati persepsi GPI baharu terhadap ilmu menurut konsep *Malakah Ilmiyyah* Ibnu Khaldun berada di tahap tinggi. Dapatan ini bersesuaian dengan peranan GPI itu sendiri yang menggalas tanggungjawab yang berat dalam sistem pendidikan Negara iaitu untuk membentuk kemenjadian murid. Perkara ini sejajar dengan matlamat Pendidikan Islam yang tercatat kemas melalui falsafahnya iaitu untuk melahirkan individu murid yang seimbang dari segi rohani, intelek, emosi dan jasmani serta memperoleh kebahagiaan di dunia serta akhirat. Ini kerana kemenjadian murid yang baik boleh dibentuk melalui penguasaan ilmu naqli dan aqli dalam diri GPI kemudian disalurkan pula kepada murid (Ibnu Khaldun, 2003, Muhammad, 2015).

6.0 KESIMPULAN

Pandangan tentang konsep *Malakah Ilmiyyah* Ibnu Khaldun ini sesungguhnya amat selari dengan matlamat untuk menghasilkan seseorang GPI yang berilmu kerana mereka perlu mempunyai ciri-ciri modal insan yang unggul sebagai seorang guru dan juga sebagai seorang hamba Allah SWT dalam usaha untuk melahirkan pelajar yang soleh. GPI harus memahami konsep ilmu yang diutarakan oleh Ibnu Khaldun ini kerana ianya berpaksikan ajaran Islam yang syumul. GPI perlu mencuba sedaya mungkin untuk menjadikan kepentingan ilmu naqli dan aqli ini sebagai tasawur kehidupan mereka kemudian, mempraktikkan elemen tersebut sewaktu pengajaran kerana elemen ini dapat menghadirkan penghayatan dalam diri murid seterusnya mencorakkan persekitaran pengajaran yang lebih efisien dan berkesan. Ini sekaligus mengubah persepsi murid terhadap Pendidikan Islam dan menyuntik semangat mereka untuk menjadikan Islam sebagai cara hidup.

Rujukan

- Abu Bakar, I. (2015). *Falsafah Ibnu Khaldun: Falsafah Dan Klasifikasi Ilmu*. (Ahmad Sunawari Long, Ed.). Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Ahmad, Z. (2010). *The Epistemology of Ibn Khaldun*. London: Routledge Taylor and Francis.
- Al-Abrasyi, M.A. (1974). *Dasar-Dasar Pokok Pendidikan Islam*. Jakarta: Bulan Bintang.
- Arbain, P., Jemali, M., Hashim, I. & Hashim, A. (2014). Persepsi Murid Terhadap Pelaksanaan Kaedah Pengajaran Guru Dan Hubungannya Dengan Pencapaian Murid Dalam Tilawah Al-Quran Program J-QAF. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, 8, 1-15
- Awang, Z., Afthanorhan, A. & Mamat, M. (2016). The Likert Scale Analysis Using Parametric Based Structural Equation Modeling (SEM). *Computational Methods in Social Sciences (CMSS)*, 4(1), 13-21
- Basemeih, A.M. (2001). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran (30 Juzuk)*. Kuala Lumpur: Darul fikir.
- Borhan, J.T. & Sa'ari, C.Z. (2009). Modal Insan Dan Kependudukan Dalam Pembangunan Negara Menurut Ibnu Khaldun. *MIQOT*, XXXIII (2), 274-294
- Che Mustapha, R., Jamsari, E.A., Zakaria, N. & Mohd Talib, N. (2011). Permasalahan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Bagi Komponen Tamadun Islam: Satu Pemerhatian Awal Di Sekolah Menengah Daerah Sepang, Selangor. In *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- El-Muhammady, M.U. (2008). Building the Human Capital in The 'Malakah' Concept Of Ibn Khaldun: A Historical Study Based On His 'Muqaddimah'. *Jurnal Hadhari*, 75-104
- Enan, M.A. (1979). *Ibnu Khaldun: His Life and Work*. New Delhi: Kitab Bhawan.
- Ibn Khaldun, A.R. (2004). *Muqaddimah*. Damsyiq: Maktabah Al-Hidayah.
- Iksan, Z.H., Saper, M.N. & Rashed, Z.N. (2016). Integration of Tawhidic Science Through Lesson Study Approach In Teaching And Learning Science or Islamic Study. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 2(1), 40 – 50.
- Jaafar, M.M., Tamuri, A.H. & Ya, R. (2012). Konsep Berilmu Di Kalangan Guru Pendidikan Islam Satu Keperluan Dalam Membangunkan Modal Insan. In *International Seminar on Teacher and Islamic Education*. Johor Bahru.
- Jaafar, N. & Tamuri, A.H. (2013). Hubungan Antara Efikasi Kendiri Dengan Kualiti Guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah Kebangsaan Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 5(1), 41-60
- Jaafar, N. (2014). Pengaruh Efikasi Kendiri Dan Faktor Persekitaran Terhadap Kualiti Guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah Kebangsaan. Tesis PhD (tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia
- Jasmi, K.A. (2011). Pendidikan Islam: Cabaran di alaf baru. In *Seminar Pendidikan Islam Di Madrasah Idrisiah*. Kuala Kangsar: Madrasah Idrisiah, Kuala Kangsar.
- Krejcie, R. V. & Morgan, D. W. (1970). Determining Sample Size For Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607-610.
- Maidin, P. & Ahmad, T. (2015). Kemahiran Kejuruteraan Perahu Melayu: Keahlian Jurubinanya Berdasarkan Teori Malakah Ibnu Khaldun. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 1, 97-113
- Md Hasan, R. (2017). Keberkesanan Kaedah Pembelajaran Serentak Al-Irfan Terhadap Pencapaian Tilawah Al-Quran Sekolah Rendah. Tesis PhD. (tidak diterbitkan). Universiti Sains Malaysia.
- Mohd, N., Abdullah, H., Siraj, S., Hussin, Z. & Alias, N. (2010). Isu Kritikal Penggunaan Tulisan Jawi Dalam Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam Peringkat Sekolah Menengah: Pandangan Pakar. *Jurnal Pendidikan*, 30, 63-84.
- Muhammad, N.A.F. (2015). Pengaruh Tahap Kepercayaan Epistemologi Islam Dan Tahap Konsep Kendiri Terhadap Tahap Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam. Tesis PhD (tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Nahlawy, A.R. (1983). *Usul Al-Tarbiyyah Al-Islamiyyah Wa Asalibiha Fi Al-Bait Wa Al-Madrasah Wa Al-Mujtama'*. Beirut: Dar al-Fikri.
- Othman, M.S. & Kasim, A.Y. (2017). Isu Dan Permasalahan (PDP) Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (Kbat) Dalam Amalan Pengajaran Guru Menurut Pandangan Ibnu Khaldun. *Jurnal UTEM*, 10(1), 1-15.
- Ramlie, H. (2017). Pembangunan Model Profesionalisme Guru Pendidikan Islam Berasaskan 'Riadhah Ruhyyah'. Tesis PhD (tidak diterbitkan). Universiti Malaya.
- Salleh, K. (2015). *Falsafah Ibnu Khaldun: Pandangan dan Sikap Terhadap Ilmu*. (Ahmad Sunawari Long, Ed.). Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia
- Salleh, S., Mat Deli, M., Ahmad, J. & Che Noh, M.A. (2016). Penilaian Kendiri Akhlak: Satu Alternatif Pembangunan Modal Insan Guru. In *Prosiding Persidangan Pemantapan Citra Kenegaraan 4 (Cosna 4)*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris
- Tamuri, A.H., Abdul Razak, K., Che Noh, M.A. Hamzah, M.I. (2016). Persepsi Murid-Murid Terhadap Amalan Guru Pendidikan Islam Di Malaysia. *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*. 3(2), 18-40.
- Tamuri, A.H., Ismail, M.F. & Jasmi, K.A. (2012). Komponen Asas Untuk Latihan Guru Pendidikan Islam. *Global Journal Al-Thaqafah*, 2(2), 53-63.
- Zakaria, N.S., Rashed, Z.N. & Din, M.K. (2014). Kesiapan Guru Pendidikan Islam Dalam Pengajaran Bahasa Arab: Satu Kajian Terhadap Guru Pelatih Diploma Perguruan Pendidikan Islam Di Kuis. *Jurnal Pendidikan*, 1(2), 57-66.